

01 SEP 1999

AGONG, DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN VIETNAM

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengutus tahniah kepada Presiden Tran Duc Luong sempena Hari Kebangsaan Vietnam esok. National Day.

Sultan Salahuddin bertitah baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berharap hubungan baik dan erat antara Malaysia dan Vietnam akan berterusan dan kukuh pada tahun-tahun akan datang.

Petutusan tahniah itu dikeluarkan oleh Wisma Putra, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Phan Van Khai, berkata beliau bangga dengan kerjasama erat antara kedua negara.

"Saya berharap untuk meneruskan kerjasama ini dengan tuan bagi mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan Vietnam," kata beliau.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa kedua-dua pihak mampu memperkembang dan memperluaskan lagi bidang kerjasama yang boleh memberi faedah kepada kedua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Nguyen Manh Cam.

-- BERNAMA

MAM zb